

'Usah sangsi guna produk tempatan'

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegur sikap rakyat tempatan yang lebih suka menggunakan barangan import tetapi sangsi apabila menggunakan produk buatan Malaysia meskipun kualitinya lebih baik.

Perdana Menteri berkata, sikap tidak mengiktiraf atau memandang rendah produk tempatan tidak akan membantu menggalakkan perkembangan reka cipta dan budaya sedemikian perlu diubah.

Katanya, rakyat Malaysia harus memberi peluang kepada pencipta tempatan dengan menggunakan pro-

duk mereka, dan memberikan maklum balas bernilai yang dapat membantu meningkatkan lagi mutu ciptaan mereka.

"Mari kita ubah sikap kita terhadap keupayaan pencipta kita sendiri dan produk mereka. Kita bersikap pemaaf apabila barangan import yang kita beli ada kecacatan tetapi kurang memaafkan barangan buatan tempatan.

"Pencipta akan tawar hati kerana kerja mereka tidak diiktiraf, jika rakyat Malaysia sendiri enggan menggunakan barang keluaran tempatan.

"Jika ciptaan mereka mendapat perhatian, ia akan menggalakkan mereka melakukan lebih banyak pe-

nyelidikah dan Pembangunan (R&D) dengan harapan mereka akan dapat menghasilkan produk yang lebih baik dalam semua aspek," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan insinerator bergerak oxy-hydrogen keluaran Iris Corporation Bhd (Iris) di Hotel Marriott Putrajaya di sini, semalam. Hadir sama Pengerusi Iris, Tan Sri Razali Ismail.

Abdullah berkata, dalam usaha mengejar status negara maju, Malaysia perlu memperbanyak R&D supaya terus berkembang bagi memberi manfaat kepada rakyat dan negara serta ciptaan boleh digunakan orang ramai.

Razali dalam ucapannya berkata, insinerator bergerak oxy-hydrogen

yang berharga RM1 juta setiap satu adalah insinerator generasi baru yang boleh melakukan pembakaran bebas toksin terhadap sisa pepejal dan cecair domestik.

Katanya, mesin itu dapat mengurangkan jumlah sisa sehingga sebanyak 90 peratus, pengurangan besar yang sebaliknya terpaksa dibuang di tapak pelupusan sampah. Dalam memusnahkan produk sisa, insinerator itu tidak mengeluarkan bau busuk atau melepaskan gas bahaya ke udara.

Beliau berkata, dua versi insinerator dikeluarkan Iris menerusi anak syarikatnya Mega Silicon Sdn Bhd iaitu dengan keupayaan dua tan sisa manakala satu lagi sehingga 50 tan.